**IBU PEJABAT**
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
***Fire And Rescue Department of Malaysia***
Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

*Telefon:* : 603-88880036
*Facsimile* : 603-88927977/88927978
*Laman Web* : *www.bomba.gov.my*
*E-mail* : *bkkjbpm@bomba.gov.my*

*Ruj Tuan* :
*Ruj. Kami* : JBPM.IP.BKK.700-7/5/1 Jld 17 (60
*Tarikh* : 1 Mac 2023

**-SEPERTI SENARAI EDARAN-**

Tuan/Puan,

**NOTIS PENUTUPAN SISTEM eFEIS (SEPARA MANUAL) DAN PELAKSANAAN SISTEM eFEIS 2.0**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membangunkan Sistem eFEIS 2.0 bagi menggantikan Sistem eFEIS (Separa Manual). Sistem eFEIS 2.0 akan mula digunakan dan beroperasi sepenuhnya pada 31 Mac 2023.

3. Sehubungan dengan itu, Sistem eFEIS (Separa Manual) akan dihentikan penggunaannya bermula 21 Mac 2023. Oleh itu, pihak yang berkepentingan hendaklah membuat perancangan sewajarnya bagi proses bayaran, tempahan dan pemeriksaan Alat Pemadam Api Mudah Alih (APA) bagi pengeluaran pelekat kod QR eFEIS sebelum Sistem eFEIS ditutup.

4. Sistem eFEIS 2.0 akan beroperasi secara atas talian sepenuhnya termasuk bayaran pemeriksaan APA dengan menggunakan *Financial Process Exchange* (FPX). Portal Sistem eFEIS 2.0 boleh dicapai melalui pautan https://efeis.bomba.gov.my.

5. Jadual pelaksanaan Sistem eFEIS 2.0 adalah seperti di Lampiran A.

6. Kerjasama Tuan/Puan untuk membuat hebahan dan edaran kepada semua ahli amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

../2

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' ABDUL WAHAB BIN HJ. MAT YASIN)**
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k:

i. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
iii. YS Pengarah Bahagian Pengurusan Korporat

**SENARAI EDARAN**

1. Presiden,
   Malaysia Fire Protection Association (MFPA)
   No 25-4 Block H, Jalan PJU 1/37,
   Dataran Prima, 47301 Petaling Jaya,
   SELANGOR

2. Presiden,
   Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)
   Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,
   Jalan Sultan Salahuddin,
   50582 KUALA LUMPUR

3. Presiden,
   Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM),
   99L, Jalan Tanduk, Bangsar,
   59100 KUALA LUMPUR

4. President,
   Board of Engineers Malaysia (BEM)
   Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR,
   Jalan Sultan Salahuddin,
   50580 KUALA LUMPUR

5. President,
   The Institution of Engineers Malaysia (IEM),
   Bangunan Ingenieur, Lot 60/62,
   Jalan 52/4, Peti Surat 223 (Jalan Sultan),
   46720 Petaling Jaya, SELANGOR

6. President,
   The Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM)
   Suite 20-9, Menara 1MK, No. 1, Jalan Kiara, Mont' Kiara,
   50480 KUALA LUMPUR

7. Honorary Secretariat,
   The Institution of Fire Engineers (UK) Malaysia Branch
   28, Jalan 3/154, Taman Bukit Anggerik, Cheras,
   56000 KUALA LUMPUR

**LAMPIRAN A**

## JADUAL PELAKSANAAN SISTEM eFEIS 2.0




| BIL | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| 1. | Tarikh akhir penggunaan Sistem eFEIS Separa Manual adalah pada 20 Mac 2023. Perkara berikut hendaklah dipatuhi:<br><br>i. Tarikh akhir bayaran dan tempahan pemeriksaan Alat Pemadam Api Mudah Alih (APA) di pusat eFEIS adalah pada 19 Mac 2023.<br><br>ii. Tarikh akhir pemeriksaan APA di pusat eFEIS adalah pada 20 Mac 2023.<br><br>iii. Proses permohonan pendaftaran baru/pembaharuan *Competent Person* (CP) dan Kontraktor APA hendaklah dilaksanakan sebelum 21 Mac 2023, iaitu samada lulus atau tolak. Manakala permohonan yang dikembalikan (*return*), permohonan semula hendaklah dikemukakan pada 31 Mac 2023 dengan menggunakan Sistem eFEIS 2.0. | i. *Competent Person* (CP)<br>ii. Kontraktor APA |
| 2. | Manual pengguna Sistem eFEIS 2.0 boleh dimuat turun di pautan https://efeis.bomba.gov.my | i. *Competent Person* (CP)<br>ii. Kontraktor APA |